

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 30 / 8 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 14 | RUANGAN | NEWS |

RM1.8j biaya tunai haji

» *Kerajaan negeri pilih 366 kakitangan, pesara*

Oleh Junita Mat Rasid

junita@bharian.com.my

► Johor Bahru

Kerajaan Johor memperuntukkan RM1.8 juta tahun ini bagi membayai kos rombongan menuaikan haji membabitkan 366 kakitangan kerajaan negeri dan pesara terpilih.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata rombongan terbabit akan disertai 118 lagi ahli keluarga mereka dengan biaya sendiri.

Katanya, pembiayaan tambang haji oleh kerajaan negeri kepada mereka yang terpilih itu sudah dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu.

“Kos bagi setiap bakal haji biasanya lebih RM14,000 tetapi Tabung Haji memberi pengurangan kepada kira-kira RM9,000 saja. Kerajaan negeri menghargai sumbangan Tabung Haji itu,” katanya pada majlis makan tengah hari bersama bakal haji, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Johor Persada di sini, semalam.

Abdul Ghani berkata, beliau

mendoakan semoga semua bakal haji dari negeri ini dapat menuaikan Rukun Islam kelima itu dengan sempurna dan sentiasa mengamalkan sikap saling membantu, menjaga nama baik serta dalam keadaan selamat.

Sementara itu, bagi penerima pembiayaan haji yang berkerusi roda dan menggunakan tongkat, ia tidak menjadi penghalang untuk mereka bersama-sama umat Islam menuaikan ibadat itu, malah kekurangan diri membuatkan mereka lebih bersemangat.

Md Tahir Hassan, 63, yang kehilangan kaki kanannya akibat terpajak jerangkap samar ketika operasi memburu pengganas komunis di Selatan Thailand pada 1977 tetap bersemangat untuk menuaikan haji bersama isterinya, Maznah Ngah, 58.

“Walaupun kini terpaksa menggunakan tongkat untuk bergerak dan melakukan kerja

seharian, saya harap tidak menghadapi masalah menunaikan rukun haji nanti.

“Saya bersyukur diberi peluang menuaikan haji tahun ini kerana jika mengikut senarai, saya perlu menunggu lebih 20 tahun lagi. Saya hampir menitiskan air mata apabila menerima tawaran kerajaan negeri menuaikan haji,” katanya.

Kegembiraan itu turut dikongsi Asnah Ariffin, 57, apabila berpeluang mengerjakan haji bersama suaminya, Nasir Md Saat, 64 dan anak perempuan mereka, Faizi Adhana, 33, selepas menyimpan hasrat untuk ke tanah suci sejak 20 tahun.

“Peristiwa pahit kehilangan kedua belah kaki seakan terubat apabila dimaklumkan kami tiga beranak tersenarai sebagai bakal haji mengikut rombongan kerajaan negeri dan semua persiapan, termasuk kelengkapan sudah disiapkan,” katanya.



Abdul Ghani (kiri) bersalam dengan **bakal haji** pada majlis makan tengah hari bersama bakal haji di Persada Johor.
[FOTO DASAR SUARMAN/BH]